

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69

info *kampus*

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

UiTM Berperanan Ramai Tenaga

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah memainkan peranan yang penting dalam melahirkan tenaga kerja bagi memenuhi kehendak pasaran dalam dan luar negara semenjak 41 tahun lalu.

Pro Canselor UiTM, Tan Sri Nuraizah Abdul Halim memberitahu, dalam tempoh tersebut, UiTM telah berjaya mengeluarkan ramai golongan tenaga mahir dan profesional di negara ini.

Menurut beliau, ini kerana kesemua program yang ditawarkan di seluruh kampus UiTM adalah memenuhi kehendak pasaran semasa menyebabkan ia mendapat sambutan daripada para pelajar.

"Sebagai contoh, dalam memenuhi kehendak pasaran halal, UiTM telah menawarkan Diploma Pengurusan Halal dan Diploma Teknologi Makanan yang mula diperkenalkan sejak sesi November tahun lepas dan semester Jun tahun ini."

"Penawaran diploma ini adalah bagi memenuhi aspirasi kerajaan negeri yang telah membangunkan Tanjung Manis seluar lebih 7,000 hektar sebagai Hub Halal utama di rantau ini."

"Malah, pembangunan UiTM Kampus Mukah yang dijangka siap pada tahun hadapan dengan menawarkan program Diploma Akuakultur dan Diploma Pengurusan Herba adalah bagi menyediakan tenaga kerja yang diperlukan bagi memenuhi pembangunan di kawasan berkenaan," katanya semasa berucap pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-81, UiTM Sarawak yang berlangsung pada 8-9 Disember 2014 di Dewan Jubli UiTM Sarawak, Samarahan.

Seramai 1,217 pelajar UiTM Sarawak daripada diploma dan ijazah sarjana muda bergraduat pada istiadat konvokesyen tersebut yang berlangsung dalam suasana sederhana tapi penuh meriah.

Hadir sama menyaksikan istiadat tersebut adalah Rektor UiTM Sarawak, Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof Madya Dr. Rosita Haji Suhaimi, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Sarawak, Prof Madya Wan Akil Tuanku Abdullah, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, UiTM Sarawak, Prof Madya Dr. Hajah Rasidah Mahdi, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah, Tuan Haji Khalik Ibrahim ketua-ketua bahagian, ibu bapa, graduan serta tetamu-tetamu lain.

Istiadat kali ini turut menyaksikan tiga orang graduan telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Graduan Terbaik UiTM Sarawak 2014 iaitu :-

Anugerah Graduan Terbaik (Sarjana Muda)
ESTRADA BIN ALPHONSUS AKEE
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian

Anugerah Graduan Terbaik Tajaan Yayasan Sarawak (Sarjana Muda)
MALISA BINTI BASMAWI
Sarjana Muda Sains Pentadbiran (Kepujian)

Anugerah Graduan Terbaik (Diploma)
AHMAD MUJIB BIN ZULKIFLI
Diploma Pengajian Perniagaan

Anugerah Graduan Terbaik (Kepimpinan)
AHMAD MUJIB BIN ZULKIFLI
Diploma Pengajian Perniagaan

Anugerah Graduan Terbaik Tajaan Yayasan Sarawak (Diploma)
AHMAD MUJIB BIN ZULKIFLI
Diploma Pengajian Perniagaan



KENANGAN... Tan Sri Nuraizah Abdul Halim bersama Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali dan pengurusan kanan UiTM Sarawak merakamkan gambar kenang-kenangan bersama penerima Anugerah Naib Canselor.



MESRA... Tan Sri Nuraizah Abdul Halim bersama Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali berbual mesra dengan sebahagian daripada ibu bapa pelajar.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**